

31 MAR 2000

G77-Sidang Kemuncak/I

KL AKAN DESAK REGIM KEWANGAN BARU DUNIA PADA SIDANG KEMUNCAK SELATAN

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Selepas kejayaan dalam melaksanakan langkah-langkah kawalan terpilih, Malaysia kini mahu mendesak bagi penubuhan Kerangka Kewangan Antarabangsa (IFA) yang baru pada Sidang Kemuncak Selatan bagi Kumpulan 77 (G-77) di Havana, Cuba dari 10 April hingga 14 April.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata pembaharuan IFA sesungguhnya merupakan perkara yang memerlukan tindakan segera.

"Malaysia akan mengambil peluang pada Sidang Kemuncak Selatan untuk menekankan mengenai perlunya pembaharuan, terutama peraturan tabung lindung nilai dan institusi-institusi yang mempunyai pengaruh yang besar," katanya dalam satu temubual sebelum sidang berkenaan.

Sidang kemuncak pertama itu akan menghimpun lebih daripada 100 pemimpin dari negara membangun, termasuk China, sejak kumpulan itu dibentuk pada 1964.

Para pemimpin dari 56 negara kurang membangun dan negara maju yang bukan anggota G-77, termasuk Kumpulan Tujuh (G-7) iaitu Amerika Syarikat, Perancis, Jepun, Britain, Jerman, Itali, Kanada dan Russia juga dijemput menghadiri sidang itu.

Syed Hamid mengesahkan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri sidang kemuncak berkenaan.

Melalui penyertaan China, penganalisis menjangkakan sidang kemuncak itu akan mewujudkan landasan bagi tindakan kolektif bagi menyelesaikan masalah di negara-negara Selatan dan bagi mendefinisikan pelan tindakan dengan objektif yang jelas dan batas waktu untuk melaksanakannya.

Mereka berkata bahawa IFA dan isu beban hutang yang melumpuhkan yang dihadapi kebanyakan negara membangun akan menjadi tajuk perbincangan utama pada sidang kemuncak berkenaan.

Isu-isu lain yang akan dbincangkan termasuk golbalisasi ekonomi dunia, hubungan Utara-Selatan, kerjasama Selatan-selatan, pengetahuan dan teknologi.

Malaysia telah menegaskan bahawa sistem kewangan global patut disusun semula, dan jika gagal, ekonomi negara-negara membangun akan terus tertakluk kepada belas kasihan spekulator matawang yang tidak bertanggungjawab.

Syed Hamid berkata krisis kewangan yang melanda Asia pada Julai 1997 membuktikan bahawa tanpa sokongan institusi yang mencukupi untuk menangani proses itu, keputusan akhir adalah ketidakstabilan di dalam ekonomi rantau ini.

Ditanya sama ada Malaysia yakin bahawa negara anggota G-77 yang lain akan menyokong usaha Malaysia yang menggesa pembaharuan itu, Syed Hamid berkata Kuala Lumpur yakin bahawa pasti ada "sokongan besar" seperti yang ditunjukkan pada Persidangan UNCTAD X di Bangkok baru-baru ini.

"Banyak negara membangun akan meminta kepastian supaya mekanisme yang lebih adil dan demokratik untuk meningkatkan penyertaan secara berkesan dalam pengurusan ekonomi antarabangsa," katanya.

Beliau berkata negara-negara membangun keseluruhannya sudah mengalami penurunan pertumbuhan ekonomi sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Walaupun ada kes-kes individu yang terus mencatatkan pertumbuhan di kawasan yang berbeza, keseluruhannya banyak negara menyaksikan aktiviti ekonomi yang perlahan manakala yang lain mengalami krisis ekonomi yang serius," kata Menteri itu.

Syed Hamid berkata Malaysia akan bekerjasama dengan negara lain bagi pelan "bertindak" yang akan membawa manfaat bersama.

Dr Mahathir dijangka menggunakan sidang kemuncak itu untuk mendapatkan "suara yang lebih banyak" bagi gesaannya untuk pembaharuan dalam pasaran kewangan dunia, kata seorang penganalisis.

"Sidang kemuncak itu boleh menjadi saluran yang ditunggu-tunggu oleh Malaysia untuk memperolehi sokongan negara-negara membangun. Secara kolektifnya, G-77 adalah kuasa yang digeruni dalam kewangan global," katanya.

Sebagai gabungan Negara Dunia Ketiga yang terbesar dunia dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), G-77 menyediakan pendekatan bagi negara membangun dunia menyuara kepentingan ekonomi dan menggalakkan rundingan bersama dalam semua isu utama ekonomi antarabangsa.

G-77 dibentuk pada 15 Jun, 1964 oleh 77 negara-negara membangun dan setakat ini kumpulan ekonomi itu mengandungi 133 buah negara.

Penganalisis itu berkata dengan memperolehi sokongan negara-negara membangun, "adalah diharapkan Kumpulan 20 (G-20) akan mendengarnya."

G-20 adalah gabungan anggota negara-negara G-7, 11 pasaran ekonomi baru muncul dan dua wakil institusi yang memainkan peranan penting dalam ekonomi dunia.

Ia termasuk Argentina, Australia, Brazil, China, India, Mexico, Russia, Arab Saudi, Afrika Selatan, Korea Selatan, Turki, manakala dua wakil institusi terdiri daripada Kesatuan Eropah dan Tabung Kewangan Antarabangsa/Bank Dunia.

G-20 yang menggantikan G-22 dan G-33, dijangka akan mendapat mandat yang besar bagi membincangkan isu-isu ekonomi dunia, termasuk mencegah krisis dan kerangka kewangan yang baru.

Pada mesyuarat tahunan ke-23 Menteri-menteri G-77 di PBB di New York tahun lepas, Syed Hamid menggesa negara-negara Selatan mengesahkan bahawa masyarakat antarabangsa, PBB, institusi Bretton Woods dan Kumpulan 7 (G-7) mesti memastikan bahawa sistem kewangan segera menyemak dan mengimbangi untuk menghalang penyalahgunaan sistem itu.

Mesyuarat para pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Auckland, New Zealand pada September tahun lepas telah meluluskan gesaan untuk pembaharuan pasaran kewangan bagi mengelak krisis kewangan di kawasan ini pada masa depan.

Pada mesyuarat Apec itu, Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton juga memperakui bahawa "adalah satu kesilapan jika tidak merubah kerangka kewangan."

Pada sidang kemuncak di Havana, Malaysia akan mengutarakan pengalamannya mengenai globalisasi terutama dalam konteks krisis kewangan Asia yang melanda negara ini sejak Julai 1997.

Kuala Lumpur akan menekankan kepada negara-negara membangun bahawa sejak globalisasi dilaksanakan, Selatan patut mendefinasikannya supaya risiko kejatuhan daripada impak negatif globalisasi adalah minimum.

Mengenai masalah hutang luar yang membelenggu banyak negara-negara membangun, sidang kemuncak itu dijangka menggesa negara-negara maju meluluskan hutang berkenaan ke atas 41 negara paling miskin supaya mereka boleh memberi tumpuan ke atas projek-projek pembangunan.

Hutang luar negara-negara Selatan kepada Utara berjumlah AS\$2.5 trilion dan 25 peratus pendapatan eksport disalurkan hanya untuk membayar hutang yang memusnahkan negara-negara membangun.

Sementara itu, Cuba sedang menyediakan portfolio 60 projek kawasan dan kawasan kecil untuk diserahkan kepada negara-negara yang menghadiri sidang kemuncak itu.

Sebagai tuan rumah, ia juga sedang menyediakan Deklarasi Akhir Sidang Kemuncak Selatan yang menjelaskan strategi dan wawasan negara-negara

membangun untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran semasa ekonomi dunia.
Sidang kemuncak itu juga dijangka mengeluarkan satu Dokumen Bertindak.
-- BERNAMA
ES LAT